

Soalan 1 hingga soalan 20

- Berkembang di Semenanjung Greece dan pulau-pulau di Laut Aegean serta Laut Mediterranean.
- Terkenal dengan Negara-kota atau Polis.
- Penduduknya dikenali sebagai pelayar yang handal.

- Soalan 3 berdasarkan pernyataan di bawah :

3. Antara pernyataan yang berikut, manakah yang berkaitan dengan peningkatan tamadun?
 - A Kelangsungan manusia mencipta teknologi berasaskan inovasi terkini.
 - B Kebolehan manusia meningkatkan ekonomi agar lebih kukuh.
 - C Kesungguhan manusia menjalinkan hubungan serantau.
 - D Kemampuan manusia menggunakan pemikiran dan alam sekitar.
4. Apakah fungsi Dewan Perhimpunan di Athens?
 - I Mahkamah orang awam
 - II Melantik ahli majlis
 - III Menguruskan hal ehwal pendidikan
 - IV Melaksanakan dasar-dasar
 - A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV
5. Antara yang berikut manakah pernyataan yang menunjukkan masyarakat Sparta mementingkan latihan ketenteraan?
 - A Rakyat perlu berjiwa patriotik
 - B Dua orang raja sebagai ketua kerajaan
 - C Kaum wanita tidak terlibat dalam ketenteraan
 - D Anak lelaki dilatih dari awal menjadi tentera

6. Apakah persamaan antara sistem demokrasi Yunani dengan sistem demokrasi di Malaysia?
- Raja sebagai ketua kerajaan
 - Rakyat terlibat dalam pemerintahan
 - Dewan Negara meluluskan belanjawan
 - Dewan Negara menentukan Ketua Negara
7. Tamadun Rom terbahagi kepada tiga zaman iaitu
- Zaman Purba, Zaman Pertengahan, Zaman Akhir
 - Zaman Beraja, Zaman Republik, Zaman Empayar
 - Zaman Beraja, Zaman Dinasti, Zaman Maharaja
 - Zaman Dinasti, Zaman Republik, Zaman Empayar
8. Tamadun Rom mencapai zaman kegemilangan pada zaman Pax Romana 27 SM hingga 180 SM. Mengapakah zaman tersebut dikatakan mencapai zaman kegemilangan?
- Kestabilan ekonomi
 - Hubungan luar berkesan
 - Meluaskan empayar
 - Mencapai keamanan
9. Seni bina agung Tamadun Rom ialah Colosseum. Apakah fungsi Colosseum terhadap masyarakat Rom?
- Pemujaan dewa
 - Pusat pentadbiran
 - Pertarungan pahlawan
 - Penyimpanan patung
10. Apakah maksud kerajaan *janapada* ?
- Kerajaan kecil
 - Kerajaan besar
 - Kerajaan merdeka
 - Kerajaan yang dijajah
11. Mengapakah kekuatan ketenteraan penting dalam dasar perluasan kuasa?
- Mengalahkan serangan musuh
 - Melancarkan hal pentadbiran
 - Mengukuhkan taat setia rakyat
 - Menjamin kemakmuran ekonomi
12. Senarai berikut merupakan dinasti dalam tamadun India.

- Dinasti Nanda
- Dinasti Maurya
- Dinasti X

Apakah X?

- | | |
|---------|-----------|
| A Asoka | C Kalinga |
| B Gupta | D Magadha |

13. Apakah lokasi perkembangan Tamadun China ?
A Perkilangan
B Perbandaran
C Perlombongan
D Perkampungan
14. Apakah tumpuan pendidikan rendah dalam sistem pendidikan Tamadun China ?
A Menulis
B Menghafal
C Mengarang
D Menterjemah
15. Bagaimanakah seorang petani boleh meningkatkan taraf hidup dalam Tamadun China?
A Menjadi pedagang
B Menganggotai pasukan tentera
C Mengarang karya kesusasteraan
D Mengambil peperiksaan perkhidmatan awam
16. Manakah pernyataan yang benar berkaitan Maharani Dowager Cixi?
A Memansuhkan peperiksaan perkhidmatan awam
B Memperkenalkan peperiksaan perkhidmatan awam
C Mengembangkan sistem pendidikan Tamadun China
D Melaksanakan sistem pemilihan pegawai perkhidmatan awam
17. Apakah kelebihan yang diperoleh calon yang lulus pada peringkat ketiga dalam peperiksaan perkhidmatan awam?
A Memperoleh kakitangan pengiring
B Dapat menyertai Majlis Santapan Diraja
C Menjadi kakitangan kerajaan peringkat rendah
D Mendapat kedudukan dan pangkat tinggi dalam kerajaan

Keruntuhan Empangan Maarib pada tahun 300 M

18. Maklumat berikut berkaitan dengan Empangan Maarib.
Mengapakah masyarakat Arab tidak mampu membina semula Empangan Maarib?
A Tiada tenaga kerja
B Tidak mempunyai modal
C Tiada pemimpin yang berwibawa
D Tidak mempunyai ilmu pengetahuan

19. Jahiliah berasal daripada perkataan Arab, jahala yang bermaksud jahil. Mengapakah masyarakat Arab Jahiliah dianggap jahil?

- I Tidak mempunyai nabi
- II Tidak mempunyai kitab suci
- III Masyarakat tiada kepercayaan
- IV Sistem pendidikan tidak berkembang

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

20. Maklumat berikut berkaitan dengan suatu kaum dalam kelompok kumpulan kabilah.

- Tinggal di kota
- Menjalankan perniagaan
- Memiliki binatang ternakan

Maklumat tersebut berkaitan

- A kaum Ansar
- B kaum Badwi
- C kaum Hadhari
- D kaum Muhajirin